

<b>Headline</b>	<b>Perak kekal juara Piala Razak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Nov 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Page No</b>	<b>54</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>423 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 21,646</b>		



# Perak kekal juara Piala Razak

Pasukan Perak berjaya mempertahankan kejuaraan Divisyen Satu TNB Piala Tun Abdul Razak 2018 selepas menewaskan Terengganu 3-1 menerusi penentuan 'shoot-out' setelah kedudukan terikat 2-2 tamat perlawanan sebenar di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Kejayaan merangkul gelaran jara edisi ke-56 itu turut menjadi hadiah paling bermakna bersempena Hari Keputeraan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizuddin Shah, yang ke-62 serta pelantikan baginda sebagai pemangku Yang di-Pertuan Agong.

Presiden Persatuan Hoki Perak (PHP), Datuk Azhar Ahmad berkata, kemenangan itu merupakan hadiah daripada PHP dan pemain buat Tuanku bersempena hari istimewa tersebut.

"Ini adalah kejayaan berganda buat Perak, selepas pasukan bola sepak kita menamatkan penantian selama 18 tahun untuk menjulang Piala Malaysia minggu lalu, kini tiba giliran pasukan hoki pula meneruskan kecemerlangan untuk meraih gelaran jara.

"Tahniah kepada kesemua

pemain dan kejurulatihan pasukan yang telah berjuang berhabis-habisan sehingga ke penentuan 'shoot-out' sekali gus mengekalkan kejuaraan musim lalu," katanya.

Pada perlawanan itu Terengganu terlebih dahulu membuka tirai jaringan pada minit ke-14 menerusi gol padang Amer Aiman Mohd Saberi menjaringkan sebelum dilukat Shazrul Imran Nazli hasil pokulan sudut penalti untuk kedudukan 1-1.

Begitupun Terengganu kembali berada di hadapan pada minit ke-22 apabila Syamiru Aiman Bidin menjaringkan gol padang minit 47 dan Perak sekali lagi mengikat kedudukan 2-2 menerusi pemain muda, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal sekaligus mengheret perlawanan penentuan 'shoot-out'.

Manakala aksi kategori wanita pula menyaksikan juara menjadi milik Kuala Lumpur selepas membenarn cabaran Selangor dan tempat ketiga bersama dimenangi ATM dan Pulau Pinang. Juara aksi Divisyen Dua (telak) dimenangi pasukan Pahang, naib juara, PDRM dan ketiga bersama, ATM serta Selangor.



Pemain Perak menjulang kejuaraan Piala Tun Abdul Razak selepas menewaskan Terengganu 5-3 pada aksi final di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin.